

PM mahu mutu filem Melayu terus maju

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, berharap mutu perfileman Malaysia dapat dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa dengan adanya Kompleks Studio Merdeka yang dilengkapi peralatan studio serba moden.

"Saya yakin dengan usaha yang lebih gigih serta kerjasama daripada semua pihak yang terabit, industri perfileman di negara ini akan dapat mengorak langkah ke arah menghasilkan satu era baru dunia perfileman Malaysia.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Finas di atas kejayaannya menganjurkan Festival Filem Malaysia Ke-9," kata Datuk Sri Dr Mahathir dalam buku cenderamata perasmian Kompleks Studio Merdeka, sambutan 10 Tahun Finas dan perasmian FFM9, di Kompleks Studio Merdeka, 1 Jun ini.

Sementara itu, Timbalannya, Encik Abdul Ghafar Baba berkata, filem adalah alat komunikasi yang penting dalam menyemaikan nilai murni, kualiti kehidupan dan peningkatan taraf sosiobudaya sesebuah negara.

Katanya: "Soal kualiti filem menjadi faktor penting dan saya percaya pengusaha filem dan mereka yang terbabit dalam industri ini dapat menilai secara objektif, sama ada peningkatan mutu sudah dicapai atau sebaliknya.

"Melalui Finas, kerajaan tidak berhenti-henti berikrar dan berusaha membantu meningkatkan daya kreatif masyarakat perfileman.

"Saya mengucapkan syabas kepada Finas di atas kejayaannya membangunkan Kompleks Studio Merdeka dalam tempoh singkat," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Finas, Datuk Haji Zain Hamzah, berkata 1 dan 2 Jun ini, adalah hari yang penting bagi semua yang terbabit dalam industri perfileman tanahair, termasuk penerbit, penulis skrip, pengarah, jurukamera, perakam bunyi, pekerja studio, krew, penyanyi dan pelbagai lagi.

Katanya: "Majlis perasmian Kompleks Studio Merdeka itu terbuka kepada semua. Finas meminta kerjasama supaya semua jadual penggambaran dan aktiviti perfileman yang lain ditangguhkan untuk membolehkan seluruh masyarakat perfileman dan video menghadiri upacara itu."

Katanya lagi, Finas berhasrat menjadikan Kompleks Studio Merdeka sebagai pusat pertemuan masyarakat artis dan pelbagai aktiviti per-

fileman serta video.

"Kita mahu kompleks ini menjadi kebanggaan seluruh tenaga penggerak dan pendorong pembangunan industri perfileman ta-

nahair," katanya.

Menurutnya, selain menjadi pusat pentadbiran Finas, kompleks itu juga dilengkapi beberapa studio latihan,

pawagam mini, perpustakaan, dewan pameran, kemudahan peralatan, dewan kuliah dan mesyuarat, pusat post-produksi filem dan video.

Ita juga mempunyai bangunan asrama, dataran karyawan, pentas terbuka dan astaka serta pejabat persatuan perfileman, kafeteria dan lain-lain.